**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
Aras 2-5 dan 13-14, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8884 6000
Faks : 603-8888 6292
Laman Web : http://www.moe.gov.my

**Ruj. Kami** : KPM.BPSM.S.500-4/7/125 Jld.4 (12)
**Tarikh** : 10 November 2023

Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ Tuan/ Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD DARI GRED DG41/42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan urusan pemangkuan Guru Besar Ex-PPPLD **Gred DG41/42 ke Gred DG44** secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi tahun 2023. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan adalah dimohon untuk mengenal pasti Guru Besar yang telah memenuhi syarat-syarat pemangkuan dan seterusnya memperakukan pegawai-pegawai tersebut untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP).

3. Pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan dalam urusan pemangkuan hendaklah memenuhi syarat umum dan syarat khusus urusan pemangkuan seperti di bawah:

**3.1 Syarat-syarat Umum**

3.1.1 **Telah disahkan dalam perkhidmatan dan pelantikan di atas Gred DG41** atau **telah dinaikkan pangkat ke Gred DG42**;

3.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan berdasarkan PBPPP tiga (3) tahun terakhir 2020, 2021 dan 2022;

3.1.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;

3.1.4 Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun terkini;

3.1.5 Lulus tapisan keutuhan SPRM;

3.1.6 Bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan

3.1.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

**3.2 Syarat-syarat Khusus**

3.2.1 Calon adalah dahulunya **seorang PPPLD yang menyandang jawatan Guru Besar** di Gred DG32/DG34/DG38 **TERLEBIH DAHULU SEBELUM DILANTIK sebagai PPP Gred DG41/42** serta **terus menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah** di atas Gred DG41/42 (KUP);

**DAN;**

3.2.2 Calon hendaklah berada di atas jawatan Guru Besar **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di Gred DG41/42** <u>**sebelum atau pada 31.12.2023**</u> dan masih terus **menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah** semasa urusan pemangkuan dilaksanakan.

4. Untuk makluman, permohonan **hendaklah dibuat** melalui **Sistem ePangkat. Permohonan** yang dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) **secara luar talian tidak akan dipertimbangkan. Panduan Permohonan** adalah seperti di **Lampiran A.**

5. Bagi Guru Besar yang **telah diperakukan kenaikan pangkat** ke Gred DG44 (KUP) secara **TBBK Ex-PPPLD** pada <u>**Tahun 2023 dan sebelumnya**</u> adalah **TIDAK DIBENARKAN** memohon urusan **pemangkuan Laluan Khas** ini memandangkan tarikh kenaikan pangkat pegawai secara TBBK Ex-PPPLD adalah lebih awal. Oleh

itu, **Ketua Jabatan hendaklah memperakukan** pegawai-pegawai ini untuk urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD tertakluk kepada iklan yang akan dibuka.

6. Semua Ketua Jabatan diminta **menyemak dengan teliti Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)** pegawai dan memastikan tiada maklumat yang tertinggal ataupun berlaku sebarang kesilapan fakta yang boleh menyebabkan berlaku kesilapan dalam urusan pemangkuan pegawai. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku kes-kes yang tertinggal, kelewatan dalam mengemukakan perakuan pegawai ataupun sebarang kesilapan maklumat. Selain itu, diingatkan juga kepada semua Ketua Jabatan bahawa semua maklumat perkhidmatan pegawai-pegawai yang layak hendaklah dikemas kini dalam ePangkat untuk memastikan kelancaran urusan pemangkuan ini dilaksanakan. Salinan halaman dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BKP) yang perlu dimuat naik ke dalam sistem ePangkat adalah seperti berikut:

i. Halaman kenyataan Lantikan Tetap DG41/DG42 dan Pengesahan dalam Perkhidmatan bagi DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP);

ii. Halaman kenyataan pelantikan sebagai Guru Besar Ex-PPPLD dan;

iii. Halaman kenyataan perkhidmatan yang terkini.

7. Semua Ketua Jabatan juga diminta untuk **MEMAKLUMKAN** kepada calon-calon mengenai perkara berikut:

i. **Urusan kenaikan pangkat Guru Besar Ex-PPPLD ke Gred DG44 TELAH MENGAMBIL KIRA PENGALAMAN PEGAWAI SEMASA DI PPPLD** berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP) Bil. 2 Tahun 2013 bertarikh 4 April 2013 yang telah bersetuju untuk **menolak** permohonan Guru Besar Ex-PPPLD untuk mengguna pakai pengalaman sebagai PPPLD dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD ke Gred DG48;

ii. **Tarikh kuat kuasa pemangkuan** bagi urusan ini adalah **tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (LKPPP)** dan **BUKANNYA** pada **TARIKH GENAP 3 TAHUN PERKHIDMATAN PEGAWAI DI GRED DG41/42**; dan

iii. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil. 2 Tahun 2015 pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan **tarikh kenaikan pangkat** adalah **MULAI SEHARI SELEPAS TEMPOH PEMANGKUAN SELAMA SATU (1) TAHUN** bagi Kumpulan **Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional**.

8. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk dengan Unit Pengurusan Bakat di Bahagian/ Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Tarikh tutup iklan bagi peringkat **calon** adalah pada **10 Disember 2023**, peringkat **PPD/ JPN/ Bahagian** pada **25 Disember 2023** dan peringkat **Pengarah JPN/ Bahagian** pada **9 Januari 2024** (Rujuk **Lampiran B**).

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ Tuan/ Puan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( SAFIDA ZALMA BINTI MOHD PIAH )**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



DG41/DG42 ke DG44

# PANDUAN PERMOHONAN

## LALUAN KHAS GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG44 (KUP)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

# Syarat Umum

01 Disahkan Dalam Lantikan (DG41)/ Disahkan pemangkuan (DG42)

02 Mencapai Tahap Prestasi Yang Ditetapkan (LNPT/PBPPP 3 tahun terkini)

03 Bebas Tindakan Tatatertib

04 Telah Mengisytiharkan Harta

05 Lulus Tapisan Keutuhan SPRM

06 Bebas Senarai Peminjam Tegar Institusi Pendidikan

07 Diperakukan oleh Ketua Jabatan

# Syarat Khusus

**Syarat Khusus Bagi Urusan**

1. Calon adalah dahulunya **seorang PPPLD yang menyandang jawatan Guru Besar** di Gred DG32/DG34/DG38 **TERLEBIH DAHULU SEBELUM DILANTIK sebagai PPP Gred DG41/42** serta **terus menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah** di atas Gred DG41/42 (KUP); DAN

2. Calon hendaklah berada di atas jawatan Guru Besar **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di Gred DG41/42** dan masih terus **menyandang jawatan Guru Besar di sekolah rendah** semasa urusan pemangkuan dilaksanakan.

# PERHATIAN KEPADA CALON

- Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bil. 2 Tahun 2013 bertarikh 4 April 2013 telah memutuskan bahawa **Urusan kenaikan pangkat Guru Besar Ex-PPPLD ke Gred DG44 TELAH MENGAMBIL KIRA PENGALAMAN PEGAWAI SEMASA DI PPPLD.** Oleh itu, penggunaan pengalaman tersebut ke **Gred DG48** di Laluan *Time-Based* Ex-PPPLD adalah **tidak dibenarkan.**

- **Tarikh kuat kuasa pemangkuan** bagi urusan ini adalah **tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP)** dan **BUKANNYA** pada **TARIKH GENAP 3 TAHUN PERKHIDMATAN PEGAWAI DI GRED DG41/42.**

- Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil. 2 Tahun 2015 pada 17 Februari 2015 telah memutuskan bahawa penetapan **tarikh kenaikan pangkat** adalah **MULAI SEHARI SELEPAS TEMPOH PEMANGKUAN SELAMA SATU (1) TAHUN** bagi Kumpulan **Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Profesional.**

# Permohonan Pemangkuan Guru Besar Ex-PPPLD

https://epangkat.moe.gov.my/login.php

TINDAKAN OLEH PEMOHON

1. LOG MASUK ePANGKAT ( ID SENDIRI ).
2. KLIK MENU UTAMA
3. SEMAK MAKLUMAT PERKHIDMATAN.
4. SEMAK PAPARAN CALON.
5. KEMAS KINI DATA CALON/ MEMUAT NAIK HALAMAN BPK BERKENAAN ( PENGEMASKINIAN DATA OLEH KETUA JABATAN SAHAJA).

* Tarikh lantikan calon sebagai Guru Besar di dalam eOperasi juga perlu dikemaskini (Tarikh Lantikan Jawatan Semasa)



CALON MOHON

1. KLIK Permohonan Kenaikan Pangkat PADA Modul Pemohon.
2. KLIK IKON
3. KLIK IKON
4. SEMAK DATA/ MAKLUMAT/ BPK SATU PERSATU.
5. KLIK MOHON.
6. CETAK SLIP PERMOHONAN

# e-Pangkat

## Langkah 1

# MODUL PEMOHON

**Paparan Modul Pemohon:**
**Pilih menu Modul Pemohon → Permohonan Kenaikan Pangkat**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT GURU

Selamat Datang [redacted]
Peranan : PGB
Tempat Bertugas : [redacted]

Khamis, 12 September 201

Menu
Dashboard
Modul Pemohon

- Maklumat Perkhidmatan
- Permohonan Kenaikan Pangkat

Modul Semakan

- Semakan Pemohon melalui Kad Pengenalan
- Semakan Pemohon melalui Nama
- Semakan Kod Sekolah
- Semakan Permohonan Iklan
- Semakan Batal Permohonan
- Semakan Kelayakan Permohonan TBBK

Modul Laporan

- Laporan TBBK Mengikut Iklan
- Laporan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat DG42

Manual Pengguna

- Manual Perakuan PGB/Ketua Jabatan
- Manual Pengesahan DG42

[ TUKAR KATA LALUAN ]

LOG KELUAR

LALUAN KENAIKAN PANGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TBBK | CEMERLANG | TINGKATAN 6 | DG42 | GURU BESAR EXPPLD | HAKIKI

IKLAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

| Nama Iklan | Tarikh Mula Permohonan | Tarikh Tutup Permohonan | Tarikh Tutup Peringkat Pengetua/ Guru Besar/ PPD/ Timbalan Pengarah | Tarikh Mula dan Tutup JPN/ Bahagian |
|---|---|---|---|---|
| URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 | 08 Sep 2019 | 15 Sep 2019 | 22 Sep 2019 | 29 Sep 2019 |

KLIK

# e-Pangkat

## MODUL PEMOHON

**Langkah 2**

Paparan Permohonan Kenaikan Pangkat :
Klik icon **GURU BESAR EXPPLD**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT GURU

Selamat Datang [redacted]
Peranan : PGB
Tempat Bertugas : [redacted]

Khamis, 12 September 201

Menu
Dashboard
Modul Pemohon

- Maklumat Perkhidmatan
- Permohonan Kenaikan Pangkat

Modul Semakan

- Semakan Pemohon melalui Kad Pengenalan
- Semakan Pemohon melalui Nama
- Semakan Kod Sekolah
- Semakan Permohonan Iklan
- Semakan Batal Permohonan
- Semakan Kelayakan Permohonan TBBK

Modul Laporan

- Laporan TBBK Mengikut Iklan
- Laporan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat DG42

Manual Pengguna

- Manual Perakuan PGB/Ketua Jabatan
- Manual Pengesahan DG42

[ TUKAR KATA LALUAN ]

LOG KELUAR

LALUAN KENAIKAN PANGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TBBK | CEMERLANG | TINGKATAN 6 | DG42 | GURU BESAR EXPPLD | HAKIKI

KLIK

**IKLAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT**

| Nama Iklan | Tarikh Mula Permohonan | Tarikh Tutup Permohonan | Tarikh Tutup Peringkat Pengetua/ Guru Besar/ PPD/ Timbalan Pengarah | Tarikh Mula dan Tutup JPN/ Bahagian |
|---|---|---|---|---|
| URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 | 08 Sep 2019 | 15 Sep 2019 | 22 Sep 2019 | 29 Sep 2019 |

# e-Pangkat

## MODUL PEMOHON

**Langkah 3**

Bagi pemohon yang LAYAK MEMOHON, paparan iklan permohonan adalah seperti di bawah. Klik pada icon untuk memohon.



# e-Pangkat

## Langkah 4 (i)

MODUL PEMOHON

Sekiranya pemohon TIDAK MEMENUHI SYARAT PERMOHONAN, sistem akan memaklumkan syarat-syarat yang tidak dipenuhi seperti di bawah:

**Semakan syarat-syarat permohonan**

Haraf maaf. Maklumat anda tidak lengkap untuk urusan ini. Sila berhubung dengan Ketua Jabatan atau buat semakan maklumat anda di pautan ini Maklumat Perkhidmatan terlebih dahulu.

**Anda didapati tidak memenuhi syarat di bawah :**

- PENGISYTIHARAN HARTA ANDA MELEBIHI TEMPOH 5 TAHUN
- MARKAH WAJARAN LNPT KURANG 80%

Sekiranya pemohon PERNAH MEMOHON IKLAN TBBK atau TBBK EX-PPPLD pada tahun semasa atau tahun sebelumnya, sistem akan memaklumkan urusan tersebut TIDAK DIBENARKAN MEMOHON seperti di bawah:

**Tuan/Puan tidak dibenarkan memohon urusan ini.**

Tuan/Puan didapati telah memohon urusan kenaikan pangkat ke Gred DG44 (KUP) secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) / *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Ex-PPPLD (TBBK Ex-PPPLD).

Terima kasih.

**e-Pangkat**

**Langkah 4 (ii)**

# MODUL PEMOHON

Sekiranya pemohon MEMENUHI SEMUA SYARAT yang ditetapkan, pemohon perlu menyemak maklumat yang dipaparkan. Mohon untuk MENYEMAK **maklumat perkhidmatan** dan maklumat helaian **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)**.

**BORANG PERMOHONAN PEMANGKUAN GURU BESAR EX-PPPLD**

**MAKLUMAT PERIBADI (* Mandatori)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| NAMA PENUH * | [redacted] | NO KAD PENGENALAN * | [redacted] |
| JANTINA * | LELAKI | TARIKH LAHIR * | [redacted] |
| UMUR * | 56 tahun | NO TELEFON * | [redacted] |

**MAKLUMAT TEMPAT BERTUGAS**

| | |
|---|---|
| TEMPAT BERTUGAS | [redacted] |
| EMEL | TIADA MAKLUMAT |
| NO. TELEFON | TIADA MAKLUMAT |
| PPD | [redacted] |
| BAHAGIAN/JPN | [redacted] |

**MAKLUMAT PERKHIDMATAN (* Mandatori)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| JAWATAN * | PENGETUA/GURU BESAR | GRED HAKIKI PENYANDANG * | DG42 |
| TARIKH LANTIK DG29 * (Pengesahan Lantikan Tetap SPP) | 01/11/1989 | TARIKH SAH DG29 * | 01/11/1990 |
| TARIKH LANTIK DG42 * | 01/07/2014 | | |
| TARIKH LANTIKAN JAWATAN SEBAGAI GURU BESAR | 10/02/2012 | | |
| OPSYEN BERSARA * | 60 Tahun | TARIKH BERSARA * | 30/04/2023 |

| MARKAH LNPT/ PBPPP 3 TAHUN TERKINI | TAHUN (PERATUS) | 2015 (20%) | 2016 (35%) | 2017 (45%) | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | LNPT/ PBPPP | 89.93 | 83.15 | 95.02 | 89.85 |
| | WAJARAN (%) | 17.99 | 29.10 | 42.76 | |

**MAKLUMAT HELAIAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN(BPK) (* Mandatori)**

| | |
|---|---|
| HALAMAN PERTAMA (BPK/SURAT) ** | 630430135025_brgBPK1-BARAT MS1.pdf |
| HALAMAN PENTING (BPK/SURAT) ** | 630430135025_brgBPK2-BARAT MS2.pdf |
| HALAMAN TERKINI BUKU PERKHIDMATAN * | 630430135025_brgBPK3-BARAT MS3.pdf |

** Sila rujuk Surat Siaran Iklan bagi halaman BPK/ Surat yang perlu dimasukkan ke dalam sistem.

## HALAMAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN (BPK)
## YANG PERLU DIMUATNAIK

| GRED | HALAMAN | DOKUMEN PERLU DIMUAT NAIK |
|---|---|---|
| CALON GRED DG41 | HALAMAN PERTAMA | 1. Kenyataan Lantikan Tetap DG41; DAN<br>2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41 oleh SPP. |
| | HALAMAN PENTING | 1. Kenyataan pelantikan sebagai Guru Besar Ex-PPPLD. |
| | HALAMAN TERKINI | Halaman terakhir TERKINI yang dikemas kini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan ( BPK ) sehingga tarikh permohonan iklan dibuka. |
| CALON GRED DG42 | HALAMAN PERTAMA | 1. Kenyataan Kenaikan Pangkat ke Gred DG42 (Pengesahan Pemangkuan). |
| | HALAMAN PENTING | 1. Kenyataan pelantikan sebagai Guru Besar Ex-PPPLD. |
| | HALAMAN TERKINI | Halaman terakhir TERKINI yang dikemas kini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan ( BPK ) sehingga tarikh permohonan iklan dibuka. |

## Semak dan tanda pada kotak yang berkenaan di bahagian cuti seperti di bawah:

| PERAKUAN CUTI ** | |
|---|---|
| Akuan Mengenai Pelanjutan Tempoh Percubaan / Cuti Tanpa Gaji (Selain Cuti Belajar) / Cuti Separuh Gaji (Selain Cuti Belajar) / Pemotongan Emolumen kerana Tidak Hadir Bertugas (THB) | |
| Adalah saya mengesahkan bahawa : | |
| | **Pelanjutan Tempoh Percubaan:**<br>☐ Pelanjutan Tempoh Percubaan Tanpa Denda mulai hingga .<br>☐ Pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Berdenda mulai hingga . |
| ☐ | Telah diluluskan cuti tanpa gaji (Selain Cuti Belajar) **dalam tempoh Gred semasa hingga ke Gred kenaikan pangkat** |
| ☐ | Telah diluluskan cuti separuh gaji (Selain Cuti Belajar) **dalam tempoh Gred semasa hingga ke Gred kenaikan pangkat** |
| ☐ | Telah dikenakan tindakan Pemotongan emolumen kerana Tidak Hadir Bertugas dalam tempoh Gred semasa hingga ke Gred kenaikan pangkat. |
| ☐ | Tidak pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji /Cuti Separuh Gaji/ Tidak Hadir Bertugas dalam tempoh Gred semasa hingga ke Gred kenaikan pangkat. |
| ** Sila rujuk faktor-faktor yang MENJEJASKAN KEKANANAN seperti yang dinyatakan dalam Surat Siaran Iklan. | |

# e-Pangkat

## MODUL PEMOHON

### Langkah 6

Tandakan pada kotak berkaitan di bahagian Perakuan Calon. Tekan butang MOHON untuk menghantar borang yang telah diperaku benar. Pemohon juga boleh mengemaskini borang sebelum tarikh tutup permohonan.

| PERAKUAN CALON | |
|---|---|
| ☐ | Saya mengaku bahawa maklumat peribadi dan perkhidmatan saya dalam HRMIS, ePangkat dan eOperasi telah dikemas kini, benar , teratur dan tepat dan ia sama seperti di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK). ** |
| ☐ | Saya mengaku bahawa saya telah mengisytiharkan harta mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002. ** |
| | Saya mengaku bahawa: ** <br> ◉ Tidak pernah mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / Tabung Pendidikan. <br> ○ Pernah mengambil pinjaman pendidikan daripada institusi / tabung pinjaman: |
| ☐ | **Saya mengaku bahawa maklumat yang dikemukakan dalam permohonan ini adalah benar dan jika didapati saya mengemukakan maklumat yang tidak tepat /palsu, penempatan pemangkuan / kenaikan pangkat yang diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) boleh ditarik balik dan saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. **** |

KLIK → MOHON KEMBALI

Paparan mesej BERJAYA akan dipaparkan setelah permohonan berjaya dimohon.

stage1.moe.gov.my says

Permohonan anda telah berjaya direkodkan.

OK

**e-Pangkat**

**Langkah 7**

MODUL PEMOHON

Semakan permohonan iklan yang telah dimohon:
Pilih Modul Pemohon → Permohonan Kenaikan Pangkat.

Senarai iklan yang telah dimohon akan dipaparkan di Status Permohonan Kenaikan Pangkat seperti rajah di bawah :

**IKLAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT**

| Nama Iklan | Tarikh Mula Permohonan | Tarikh Tutup Permohonan | Tarikh Tutup Peringkat Pengetua/ Guru Besar/ PPD/ Timbalan Pengarah | Tarikh Mula dan Tutup JPN/ Bahagian | Mohon |
|---|---|---|---|---|---|
| URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 | 08 Sep 2019 | 15 Sep 2019 | 22 Sep 2019 | 29 Sep 2019 | |

**STATUS PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT**

| Nama Iklan | Tarikh Mohon | Perakuan PGB/KJ | Perakuan Bahagian/JPN | Perakuan BPSM | Keputusan |
|---|---|---|---|---|---|
| URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019 | 12-09-2019 [Slip Permohonan] | Belum diambil tindakan | Belum diambil tindakan | Belum diambil tindakan | |

# e-Pangkat

## Langkah 8

MODUL PEMOHON

**Paparan slip permohonan akan dipaparkan dan pemohon boleh mencetak sebagai rujukan.**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
**ARAS 1-5 DAN 12-14, BLOK E12, KOMPLEKS E**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62604 PUTRAJAYA**

[201944K01507]
URUSAN PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI GURU BESAR EX-PPPLD GRED DG42 KE GRED DG44 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2019

[redacted]
DG42

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan menerusi Sistem ePangkat telah diterima pada 12/09/2019 dan didaftar untuk diproses.

Slip ini adalah untuk tujuan simpanan pemohon sahaja dan tidak boleh diambil kira atau digunakan bagi mana-mana urusan perkhidmatan.

Terima kasih kerana berurusan dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebarang pertanyaan, sila emelkan ke epangkat.admin@moe.gov.my.

Slip ini adalah janaan komputer. Tandatangan tidak diperlukan.

Cetak | Kembali

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

# Terima Kasih

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**LAMPIRAN B**

**CARTA ALIR PERMOHONAN* BAGI URUSAN PEMANGKUAN GURU BESAR PPP GRED DG41/42 KE GRED DG44 (KUP) BAGI TAHUN 2023**

| **Perkara** | **Tindakan** | **Tempoh Pelaksanaan** |
|---|---|---|
| Penyiaran iklan melalui sistem ePangkat/ laman sesawang KPM. | BPSM/ BPM | 10 November 2023 (Jumaat) |
| Semakan maklumat, pengemaskinian** dan permohonan calon melalui sistem ePangkat. | PPD/ JPN/ Bahagian<br><br>Guru Besar Ex-PPPLD (Calon) | 10 November 2023 (Jumaat) – 10 Disember 2023 (Ahad) |
| Semakan dan perakuan oleh PPD/ JPN/ Bahagian.<br><br>(Peringkat PGB/ KJ) | PPD/ JPN/ Bahagian | 11 Disember 2023 (Isnin) – 31 Disember 2023 (Ahad) |
| Semakan dan perakuan oleh JPN/ Bahagian.<br><br>(Peringkat Bahagian/ JPN) | JPN/ Bahagian | 1 Januari 2024 (Isnin) – 22 Januari 2024 (Isnin) |

***Semua proses di atas adalah secara dalam talian.**
****Pengemaskinian hanya boleh dilakukan oleh PPD selaku Ketua Jabatan. Sekiranya calon merupakan Guru Besar di sekolah yang berada di Bahagian atau yang tidak mempunyai PPD, maka pengemaskinian akan dibuat oleh Bahagian/ JPN berkenaan selaku Ketua Jabatan.**